



IKRAR INTEGRITI KORPORAT

Bahawasanya kami, seluruh warga kerja Institut Integriti Malaysia (IIM) berikrar:-

- tidak akan sama ada secara sendiri atau wakil atau melalui mana-mana ejen melakukan apa-apa kesalahan rasuah atau sebarang bentuk penyelewengan di bawah mana-mana peruntukan undang-undang atau Kanun Keseksaan;
- tidak akan menjalankan apa-apa amalan perniagaan atau aktiviti-aktiviti yang memerlukan atau menggalakkan mana-mana pekerja, wakil atau ejen untuk melakukan sebarang bentuk kesalahan rasuah;
- akan bersama-sama dengan pelanggan, rakan kongsi perniagaan, agensi kawal selia dan agensi penguatkuasaan undang-undang bagi mewujudkan persekitaran perniagaan yang bebas daripada rasuah;
- akan mendukung Prinsip Antirasuah Bagi Syarikat-Syarikat Di Malaysia dalam menjalankan perniagaan dan interaksi dengan pelanggan, rakan kongsi perniagaan, dan agensi Kerajaan; dan
- akan bertindak tegas terhadap mana-mana pihak yang melakukan perbuatan yang boleh menggugat integriti serta menjatuhkan imej organisasi / syarikat.

PUAN NOR'ARIZA SAIM
Ketua Pegawai Eksekutif
Institut Integriti Malaysia (IIM)
Tarikh : 18 November 2020